



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : ISLAMIC FINANCIAL PLANNING
KOD KURSUS : DPI3203
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Lampiran 1 - 3

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Senaraikan **lima (5)** kepentingan pengurusan risiko.

(5 markah)

SOALAN 2

Tabung Haji (TH) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). TH menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji.

Pernyataan 1

Berdasarkan pernyataan 1, nyatakan **lima (5)** faedah yang diperolehi jika simpanan dibuat di dalam akaun Tabung Haji berbanding akaun lain.

(5 markah)

SOALAN 3

Terangkan **dua (2)** fungsi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

(5 markah)

SOALAN 4

Jelaskan perkara yang berikut:

- a. Cukai pendapatan
- b. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

(5 markah)

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Jelaskan **dua (2)** objektif utama sistem percukaian di Malaysia.
(4 markah)
- b. Jelaskan **enam (6)** proses yang terlibat di dalam perancangan kewangan.
(12 markah)
- c. Terangkan **dua (2)** etika untuk perancang kewangan Islam.
(4 markah)

SOALAN 2

Perancangan kewangan Islam merupakan satu pelan yang menggariskan usaha yang melibatkan disiplin tertentu untuk mengurus dengan baik sumber pendapatan, aset dan hutang supaya setiap perbelanjaan yang dibuat mendatangkan faedah yang optima.

Pernyataan 2

Berdasarkan pernyataan 2,

- a. Jelaskan **empat (4)** fasa kehidupan menurut perancangan kewangan Islam.
(8 markah)
- b. Jelaskan **empat (4)** pelan perancangan kewangan Islam.
(12 markah)

SOALAN 3

- a. Jelaskan **dua (2)** ciri takaful keluarga dan takaful am.
(4 markah)
- b. Terangkan **dua (2)** faktor yang perlu diambil kira oleh pelabur sebelum melabur dalam sebarang bentuk pelaburan.
(4 markah)
- c. Jelaskan **tiga (3)** objektif pelaburan.
(6 markah)
- d. Jelaskan **tiga (3)** kebaikan berzakat.
(6 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

Encik Amir belum berkahwin, bekerja di sebuah institusi kewangan dan menerima gaji sebanyak RM8,000 sebulan. Maklumat berikut adalah penting untuk Encik Amir menganggarkan cukai pendapatan:

<i>Aktiviti / Potongan / Pembelian</i>	<i>Jumlah (RM)</i>
<i>Sumbangan wang kepada institusi bagi menyediakan kemudahan bagi golongan kurang upaya</i>	800
<i>Hadiah artifak dan lukisan kepada Kerajaan Negeri</i>	1,000
<i>Pembelian komputer</i>	3,500
<i>Yuran pendidikan untuk mendapatkan kelayakan profesional dalam bidang kewangan</i>	4,800
<i>Bayaran untuk perbelanjaan perubatan bagi ibu bapa</i>	6,000
<i>Melanggan majalah dan membeli jurnal</i>	1,000
<i>Perlindungan takaful</i>	5,000

- a. Berdasarkan maklumat di atas dan selepas mengambil kira pelepasan cukai individu sebanyak RM9,000, kirakan cukai pendapatan Encik Amir.

(12 markah)

b. Encik Hakim Mirza menerima gaji sebanyak RM5,500 sebulan. Selain daripada gaji, dia juga menerima bonus dan elaun berjumlah RM15,500 setahun. Potongan diri sendiri dan isteri yang dibenarkan adalah masing-masing berjumlah RM9,000 dan RM3,000. Beliau mempunyai empat orang anak (pelepasan cukai bagi setiap seorang adalah RM1,000) dan caruman bulanan yang dibuat kepada ibu bapa sebanyak RM250.

Simpanan dan potongan lain termasuk seperti berikut:

Aktiviti	Jumlah
Potongan KWSP	RM200 sebulan
Sumbangan Lembaga Tabung Haji	RM100 sebulan
Sumbangan koperasi	RM80 sebulan

Kirakan jumlah zakat yang perlu dibayar atas pendapatan beliau jika nisab ialah RM13,968. (Tunjukkan semua pengiraan yang berkaitan)

(8 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

LAMPIRAN 1

Kadar Cukai Pendapatan

Tahun Taksiran 2018

Banjaran Pendapatan Bercukai	Pengiraan (RM)	Kadar %	Cukai(RM)
0 - 5,000	5,000 berikutnya	0	0
5,001 - 20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya	1	0 150
20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	3	150 450
35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	8	600 1,200
50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	14	1,800 2,800
70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	21	4,600 6,300
100,001 - 250,000	100,000 pertama 150,000 berikutnya	24	10,900 36,000
250,001 - 400,000	250,000 pertama 150,000 berikutnya	24.5	46,900 36,750
400,001 - 600,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya	25	83,650 50,000
600,001 - 1,000,000	600,000 pertama 400,000 berikutnya	26	133,650 104,000
Melebihi 1,000,000	1,000,000 pertama Setiap ringgit berikutnya	28	237,650

LAMPIRAN 2Manfaat Kereta (*Motorcar Benefit*)

<i>Cost of Car When New</i> [Kos Kereta Baru] (RM)	<i>Annual Value of Benefit</i> [Manfaat Setahun](RM)	<i>Fuel per Annum</i> [Minyak Setahun] (RM)
<i>Up to [Sehingga] 50,000</i>	1,200	600
50,001 – 75,000	2,400	900
75,001 – 100,000	3,600	1,200
100,001 – 150,000	5,000	1,500
150,001 – 200,000	7,000	1,800
200,001 – 250,000	9,000	2,100
250,001 – 350,000	15,000	2,400
350,001 – 500,000	21,250	2,700
500,001 <i>and above [dan keatas]</i>	25,000	3,000

LAMPIRAN 3

Manfaat Perabut (*Furniture Benefit*)

<i>Category</i> [Kategori]	<i>Types of Benefit</i> [Jenis Faedah]	<i>Annual Value of Benefit</i> [Manfaat Setahun](RM)
i.	<i>Semi-furnished with basic furniture.</i> [Berperabut-semi dengan perabut asas.]	840
ii.	<i>Semi-furnished with furniture in (i) plus one or more of the following: air-conditioner, curtains and carpet.</i> [Sebahagian berperabut dengan perabut (i) termasuk satu atau lebih yang berikut: pendingin hawa, langsir dan permaidani.]	1,680
iii.	<i>Fully-furnished</i> [Berperabut lengkap]	3,360